

13 DEC 2003

Syed Razak-Umno

UMNO KEDAH MAKIN KUAT SELEPAS PEMBENTUKAN JAWATANKUASA BARU

ALOR STAR, 13 Dis (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata Umno Kedah semakin kuat dengan kemasukan kembali beberapa pemimpin ke dalam jawatankuasa penaja bahagian.

Menteri Besar Kedah itu berkata penyertaan semula mereka dalam barisan pemimpin bahagian sudah pasti dapat memantapkan Umno negeri dalam persiapan menghadapi pilihan raya umum.

Menurut beliau antara pemimpin berkenaan adalah bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifudin Omar sebagai Anggota Jawatankuasa di Bahagian Padang Terap dan bekas Exco Kedah Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim sebagai Timbalan Ketua Bahagian Pokok Sena.

Affifudin tewas pada pemilihan Ketua Bahagian Padang Terap pada 2001, sementara Abdul Rahman juga tewas pada pemilihan Timbalan Ketua Bahagian Pokok Sena pada 2001. Abdul Rahman mengisi kekosongan jawatan Timbalan Ketua Bahagian itu berikutan kematian penyandangannya Datuk Sheikh Alias Mustafa, pada 31 Ogos lepas.

"Pelantikan mereka serta beberapa orang lain, merupakan satu gabungan yang baik bagi memastikan jentera pilihan raya kukuh," kata Syed Razak kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di Bangunan Tunku, di sini, hari ini.

Syed Razak berkata mesyuarat kali ini juga meluluskan senarai jawatankuasa penaja bagi 11 daripada 15 bahagian.

Bagaimanapun bagi bahagian Kubang Pasu, Kulim/Bandar Baharu, Sungai Petani dan Pendang, bahagian berkenaan diminta membuat beberapa pindaan kecil sebelum senarai nama itu diluluskan, katanya.

Selain itu Syed Razak berkata persetujuan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menerima tawaran sebagai penasihat pilihan raya Barisan Nasional Kedah merupakan satu aset penting kerana Dr Mahathir masih mempunyai pengaruh yang kuat.

Katanya nasihat beliau akan diminta dalam memperkemaskan jentera parti, termasuk juga dalam pemilihan calon.

-- BERNAMA

LYN MZM PR